

## ZIONISME DAN PERANANNYA DALAM KEJATUHAN TURKI UTHMANIYYAH (*Zionism and Its Role in the Fall of the Ottoman Empire*)

Husna Khaleedah Zaki\* Iffah Syadiyah Azman\*\* Muhammad Ridhuan Yusnan\*\*\*  
Mohd Roslan Mohd Nor\*\*\*\*

### Abstrak

Artikel ini meneroka peranan Zionisme dalam kemerosotan politik dan wilayah Empayar Uthmaniyyah. Berdasarkan catatan sejarah, dokumen arkib, dan analisis ilmiah, kajian ini mengkaji kemunculan gerakan Zionis pada akhir abad ke-19 dan interaksinya dengan dinamik geopolitik era Uthmaniyyah. Ia menyiasat aspirasi sosio-politik pemimpin Zionis, kesan kepentingan penjajah Eropah dan tindak balas pihak berkuasa Uthmaniyyah terhadap peningkatan penghijrahan dan penempatan masyarakat Yahudi di Palestin. Analisis tersebut menyerlahkan bagaimana cita-cita Zionis sejarah dengan tekanan luar, termasuk eksplorasi strategik kuasa Eropah terhadap kelemahan Uthmaniyyah, menyumbang kepada ketidakstabilan dalaman dan pemecahan wilayah. Dengan mengkontekstualisasikan Zionisme dalam spektrum kemerosotan empayar yang lebih luas, artikel ini memberikan pemahaman yang bermuansa tentang interaksi antara gerakan ideologi, campur tangan asing, dan cabaran domestik dalam perpecahan salah satu empayar paling kekal dalam sejarah. Kajian ini turut menjelaskan tentang asas sejarah konflik Timur Tengah kontemporari dan puncanya pada zaman kemerosotan Uthmaniyyah.

**Kata Kunci:** Zionisme, kejatuhan Turki Uthmaniyyah

### Abstract

*This article explores the complex role of Zionism in the political and territorial decline of the Ottoman Empire. Drawing on historical accounts, archival documents, and scholarly analyses, the study examines the emergence of the Zionist movement in the late 19th century and its interplay with the geopolitical dynamics of the Ottoman era. It investigates the socio-political aspirations of Zionist leaders, the impact of European colonial interests, and the response of Ottoman authorities to the increasing migration and settlement of Jewish communities in Palestine. The analysis highlights how Zionist ambitions aligned with external pressures, including European powers' strategic exploitation of Ottoman weaknesses, contributing to internal destabilization and territorial fragmentation. By contextualizing Zionism within the broader spectrum of imperial decline, the article provides a nuanced understanding of the interplay between ideological movements, foreign intervention, and domestic challenges in the disintegration of one of history's most enduring empires. This study offers valuable insights into the historical foundations of contemporary Middle Eastern conflicts and their roots in the late Ottoman period.*

**Keywords:** Zionism, fall of the Ottoman Empire

---

\* Husna Khaleedah Zaki. Jabatan Sejarah, Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [unakhaleedah@gmail.com](mailto:unakhaleedah@gmail.com)

\*\* Iffah Syadiyah Azman. Jabatan Sejarah, Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [iffahsyadiyah@gmail.com](mailto:iffahsyadiyah@gmail.com)

\*\*\* Muhammad Ridhuan Yusnan. Jabatan Sejarah, Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [ridhuanyusnan1901@gmail.com](mailto:ridhuanyusnan1901@gmail.com)

\*\*\*\* Mohd Roslan Mohd Nor (PhD). Profesor di Jabatan Sejarah, Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [m\\_roslan@um.edu.my](mailto:m_roslan@um.edu.my)

## Pendahuluan

Kerajaan Turki Uthmaniyyah merupakan satu gambaran sempurna sebuah kerajaan yang agung, yang berjaya membawa kemajuan tidak kira dalam bidang keagamaan, keilmuan, kesenian, pentadbiran dan sebagainya. Namun, menurut teori kitaran tamadun Ibnu Khaldun, setiap peradaban yang mencapai kegemilangan, pasti akan melalui fasa kesenangan. Fasa ini akan mengundang kelemahan dalam jiwa masyarakat yang akhirnya membawa peradaban kepada zaman kejatuhan dan kemunduran.<sup>1</sup> Hal ini terbukti apabila kejatuhan Empayar Turki Uthmaniyyah dapat dilihat bermula sejak zaman kemuncak kegemilangannya, yang mana perkara-perkara penting mula dipandang enteng oleh pemerintah seperti hal yang berkaitan amanah, keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Keamanan Turki Uthmaniyyah yang dahulunya diimbangi dengan sikap tolak ansur daripada pelbagai kaum atas dasar satu ummah menjadi semakin rapuh apabila penularan fahaman kebangsaan yang menyebarkan permusuhan antara rakyat. Hal ini dilihat berpunca daripada pemimpin yang tidak berwibawa. Namun pada sisi yang lain, perkara yang menjadi salah satu asbab yang menjadi titik tolak kepincangan dalam kerajaan Turki Uthmaniyyah adalah merupakan angkara Yahudi Zionis. Keazaman mereka menjatuhkan Kerajaan Uthmaniyyah ini merupakan sejarah yang panjang dan merupakan satu pelan susunan rapi yang didominasi idea kefahaman Zionisme.

## Maksud Zionisme: Istilah dan Falsafah

Maksud istilah zionisme berasal dari perkataan zion atau sion dan merupakan sinonim kepada perkataan Yerusalem. Maksud dari istilah ini adalah "bukit" iaitu bukit suci Jurussalem yang juga simbol dari konsep "teokrasi yahudi". Zion atau Sion juga dimaksudkan sebagai "bukit yang tinggi" iaitu tempat berdirinya bukit suci yang didirikan oleh Nabi Sulaiman (Solomon).<sup>2</sup> Zion juga merupakan gelaran bagi kota Jerusalem yang dianggap sebagai "kota rahsia" iaitu tempat tinggal Yahweh (tuhan yang benar yang disebut dalam *Bible*). Dikatakan pula bahawa zionisme berasal dari kata *tysyn* dalam bahasa Ibrani yang bererti batu iaitu batu bangunan istana yang didirikan oleh Nabi Sulaiman di kota Al Quds. Di dalam *Bible*, Zion boleh dilihat sebagai Tanah Tinggi Suci Zion.<sup>3</sup> Selain itu, terkandung didalamnya bahawa semangat 'cintakan zion' mula tercetus sewaktu orang Yahudi pertama kalinya terusir dari Jerusalem dalam peristiwa 'pembuangan di Babylon' pada abad ke 5 S.M. Peristiwa ini menyebabkan bermulanya semangat cintakan zion (*Heb Hibbat Zion*) iaitu merupakan dasar kefahaman Zionisme.

Zionisme merupakan sebuah gerakan politik nasional yang ditubuhkan bertujuan untuk mewujudkan dan mengekalkan negara Yahudi tradisional dan ortodoks. Zionisme pada asalnya merujuk kepada komuniti Yahudi penganut Judaisme yang mengharapkan kedatangan *Messiah* (penyelamat) yang dikatakan akan memimpin mereka ke kerajaan Tuhan. Namun, ia kemudian berkembang menjadi gerakan dan ideologi politik yang bertujuan untuk mengembalikan bangsa Yahudi ke tanah yang mereka yakini sebagai tanah asal mereka.<sup>4</sup> Dengan kata lain, Zionisme

<sup>1</sup> Azmul Fahimi Kamaruzaman & Nabeela Akrasha Surtahman, "Ibn Khaldun dan Falsafah Sejarah Islam," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 3 (2023), 280-281.

<sup>2</sup> Saude, "Zionisme dan Berdirinya Negara Israel," *Jurnal Hunafa* 3, no. 2 (2006), 170.

<sup>3</sup> Andi Satrianingsih & Zaenal Abidin, "Sejarah Zionisme dan Berdirinya Negara Israel." *Jurnal Adabiyah* 16, no. 2 (2016), 174-175.

<sup>4</sup> *Ibid.*, 175-176

adalah sebuah gerakan yang bertujuan membentuk sebuah Negara Kebangsaan Yahudi di Palestin. Gerakan ini berasal daripada akar umbi janji-janji *Bible* yang telah tersimpan dalam diri orang Yahudi sejak berlakunya kemusnahan Jerusalem pada tahun 70 M. Ketika itu, orang Yahudi ditindas di Eropah lalu mereka mereka mencipta kumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai ‘pencinta zion’ yang berperanan untuk mengatur siri penjajahan Yahudi ke Palestin.

Menurut falsafah Zionisme, dalam asas utama ideologi Zionisme ialah menyokong kewujudan Israel. Selain itu, bangsa Yahudi cuba menanamkan suatu kefahaman kepada para penganutnya dengan pemikiran ideologi bersifat fanatik perkauman. Mereka sanggup melakukan keganasan dan kerosakan dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi dan moral<sup>5</sup>. Bahkan mereka menganggap diri mereka adalah bangsa yang paling mulia di muka bumi. Selain itu mereka juga menganggap agama Judaisme sahaja yang menjadi pilihan tuhan dan membawa ke arah jalan yang benar. Agama lain dianggap salah dan menyeleweng. Menurut fahaman Zionis, bangsa Yahudi adalah bangsa yang menjadi pilihan tuhan atau dikenali sebagai “*the chosen people*”. Salah satu cabang ideologi Zionis adalah menyokong sistem ekonomi kapitalis justeru menjadikan kaum Zionis kapitalis yang terbesar.

Menurut Walter Laqueur, beliau ada mentakrifkan bahawa sejarah pertubuhan Zionis ini bermula pada tahun 1897 dimana seorang lelaki yang bernama Theodor Herzl telah mengasaskan Pertubuhan Zionis Dunia. Dalam penubuhan tersebut, Herzl telah merancang untuk mewujudkan sebuah negara Yahudi di Palestin dan perkara ini dinyatakan dalam Deklarasi Kemerdekaan Negara Haram Israel. Ketika itu orang Yahudi berasa sukar untuk hidup di Eropah disebabkan sentimen anti semitik yang meningkat dan merisaukan. Herzl melihat salah satu cara untuk memastikan bangsa Yahudi dapat hidup damai adalah dengan memiliki negara sendiri. Mereka memilih negara Palestin sebagai negara yang ingin dijajah dan mencipta slogan “tanah tanpa rakyat untuk rakyat tanpa tanah”. Berikutan kejatuhan kerajaan Uthmaniyyah pada akhir Perang Dunia Pertama, bermulalah era penjajahan bangsa Yahudi ke Palestin dengan sokongan pihak British. Kemudian Perang Dunia Kedua telah mencetuskan titik permulaan gerakan Zionis setelah berlakunya peristiwa “Holocaust” iaitu pembunuhan orang Yahudi Eropah beramai-ramai oleh pihak Nazi. Disebabkan peristiwa itu, kemasukan orang Yahudi Eropah ke Palestin semakin rancak dan mendapat sokongan dari negara barat.

## Hubungan Yahudi dengan Kerajaan Uthmaniyyah

Hubungan Yahudi dengan Kerajaan Uthmaniyyah bermula seawal abad ke-15 apabila Sultan Sulaiman al-Qanuni memperisterikan gadis jariah Yahudi yang dihadiahkan kepadanya oleh pemerintah Khawarizmi. Pada zaman itu iaitu pada zaman pertengahan Eropah, kaum Yahudi menghadapi penindasan yang dahsyat dari Eropah, tetapi dengan usaha isteri Sultan tersebut, sebahagian daripada kaum Yahudi terselamat dan mendapat jaminan keselamatan apabila mereka berhijrah memasuki wilayah-wilayah Turki Uthmaniyyah. Sebahagian besar dari mereka berhijrah menduduki Bosnia dan Anatolia. Semenjak abad pertengahan, kaum Yahudi menikmati segala keistimewaan dan kemudahan sebagai rakyat kepada kerajaan Turki Uthmaniyyah, malah

<sup>5</sup> Abdul Hadi Awang, “Mengenali Zionisme, Fahaman Paling Melampau,”, laman sesawang *Harakah Daily*, dicapai 19 Ogos 2020, <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/19/mengenali-zionisme-fahaman-paling-melampau/>

sebahagian dari mereka dilantik sebagai para pegawai kedutaan Uthmaniyyah ke beberapa buah negara Kristian di Eropah.

### Pertembungan dengan Sultan Abdul Hamid II

Pada abad-abad terawal, Yahudi secara umumnya terbahagi kepada 2 kelompok utama. Golongan pertama digelar Yahudi Sephardim. Mereka adalah yahudi yang menetap di Sepanyol sewaktu pemerintahan Islam di wilayah Turki Uthmaniyyah. Nasib mereka agak baik kerana dilayan baik oleh pemerintah Uthmaniyyah. Golongan kedua pula digelar Yahudi Ashkenazim. Mereka adalah yahudi yang hidup di tengah-tengah Negara Eropah seperti Itali, German dan Perancis dan di bahagian timur seperti Poland dan Russia. Berbeza dengan nasib Yahudi Sephardim, mereka selalu ditindas. Mereka hidup bersama komuniti mereka dalam penempatan-penempatan terkurung yang dipanggil “Ghetto” diseluruh Eropah.<sup>6</sup>

Pada akhir abad ke-19, Gerakan Zionisme dibangkitkan dengan penuh semangat bagi membela nasib golongan ini yang banyak ditindas tertutamanya di wilayah Eropah Timur dan sekaligus untuk mewujudkan sebuah negara Yahudi (Dawlah Yahudiyyah) di Palestin yang pada waktu itu di bawah penguasaan Turki Uthmaniyyah. Turki Uthmaniyyah pada waktu itu amat lemah sehingga digelar “*The Sick Man of Europe*” (orang sakit Eropah). Namun, pada waktu itu muncul seorang pemimpin baru iaitu Sultan Abdul Hamid II sekitar tahun 1876-1909. Beliau seorang pemimpin yang kuat keazaman Islamnya tetapi sayangnya beliau dilahirkan disaat empayar Turki Uthmaniyyah sedang runtuh.

### Sejarah Perjuangan Zionisme dalam Menduduki Palestin

Nama Palestin diambil sempena nama satu kaum yang telah lama menduduki Palestin iaitu *Philistine*. Dari segi kedudukan geografi, Palestin terletak di Pantai Timur Mediterranean dan diantara beberapa buah negara seperti Jordan, Syria dan Lubnan. Dari aspek pemerintahan pula, bermula tahun 722 S.M, Palestin dikuasai oleh Assyrian dan Babylon, sebelum jatuh ke tangan empayar Parsi pada tahun 539 S.M. Seterusnya, Palestin dibawah pemerintahan Empayar Greek pada tahun 332 S.M dan kemudian dikuasai oleh Empayar Rom pada tahun 63 S.M. Selepas penaklukan oleh empayar Islam dibawah pemerintahan Saidina Umar al-Khattab, Palestin kemudiannya diperintah dibawah Empayar Turki Uthmaniyyah bermula 1517 M setelah kemenangan mereka ke atas kerajaan Mamluk.<sup>7</sup> Palestin kekal dibawah pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah selama 4 abad sebelum dijajah British selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.

Bangsa Yahudi sebenarnya banyak ditindas terutama yang tinggal di wilayah Eropah Timur. Mereka dipergunakan untuk menjadi pekerja industri bangunan bagi meningkatkan ekonomi negara tersebut. Hal ini menyebabkan golongan Yahudi ini hanya menjadi masyarakat

<sup>6</sup> Mohamad Fauzi Zakaria, “Zionisme dan Peranannya di dalam Menjatuhkan Kerajaan Turki Uthmaniyyah di Awal Abad ke 20,” dalam *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah: Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintahan Islam Uthmaniyyah*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor & Mohamad Zamri Mohamed Shapik (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2011), 79-80.

<sup>7</sup> Mohd Hasrul Shuhari, “Detik Kejatuhan Kerajaan Bani Israel di Palestin”, lama sesawang *Harian Metro*, dicapai 28 Mac 2024, <https://www.hmetro.com.my/addin/2024/03/1074674/detik-kejatuhan-kerajaan-bani-israel-di-palestin>

golongan bawahan. Mereka ini adalah golongan yang dinafikan hak di Palestin setelah dihalau keluar oleh pemerintah Rom Byzantine. Selain itu, terdapat juga terdapat golongan Yahudi yang diusir oleh Inggeris pada 1300 Masihi, oleh Perancis pada 1400 Masihi, dan oleh Sepanyol pada 1500 Masihi. Akibat pengusiran ini, golongan Yahudi bertebaran ke Eropah Timur, Amerika Selatan dan Rusia.<sup>8</sup>

Oleh yang demikian, bagi membela nasib mereka, bangsa Yahudi mula mencari jalan untuk keluar dari penindasan yang dihadapi. Zionisme International yang didirikan pada tahun 1776, telah memainkan peranan dalam mencetuskan semangat revolusi nasionalisme kepada umat Islam terutama yang berada di negara Arab. Melalui Lawrence of Arabia pula, Yahudi berjaya memecah belahan negara Arab yang masyarakatnya sudah lama menanti masa untuk melepaskan diri daripada pemerintahan Turki Uthmaniyyah. Pemerintahan Turki Uthmaniyyah yang merupakan penjaga setia tanah Palestin menjadi penghalang utama kepada cita-cita bangsa Yahudi. Oleh kerana itu, apabila negara Arab mula bangkit menentang Turki Uthmaniyyah, hal ini telah membuka laluan kepada Zionis untuk bertindak menembusi pemerintahan Turki Uthmaniyyah dan menduduki Palestin.

Seterusnya, berikutan berakhirnya Perang Dunia Pertama, kekalahan Turki Uthmaniyyah telah menyebabkan wilayah-wilayah yang berada di bawah kekuasaannya telah dibahagi-bahagikan. Terdapat perjanjian sulit Sykes-Picot yang ditandatangani antara British dan Perancis membahagikan kawasan Timur Tengah kepada zon-zon yang akan diletakkan di bawah pengaruh mereka. Pada Januari 1917, pasukan British di bawah pimpinan Jeneral Allenby sampai di Palestin dan berjaya menawan perkampungan kecil di Rafah. Kemudian, pada Oktober 1917, British memulakan serangan ke atas Beersheba dan akhirnya berjaya menawan Jerusalem. Hal ini membawa kepada penguasaan kuasa Eropah ke atas Palestin secara langsung.<sup>9</sup>

Dalam Deklarasi Balfour 1917, terlihat jelas British menyokong harapan Yahudi untuk membina negara mereka di Palestin dengan memberikan pengiktirafan keatas negara rakyat Yahudi di tengah-tengah negara Arab.<sup>10</sup> Sebelum deklarasi tersebut diisytiharkan, Lord Rothschild iaitu pemimpin Yahudi di London telah menulis surat kepada Setiausaha Luar British, Arthur James Balfour bagi menegaskan hasrat Zionis untuk menubuhkan *national home* bagi bangsa Yahudi. Pada hari yang sama juga, Zionis telah menyebarkan draf rasmi kepada kabinet British, yang didalamnya terdapat isu ‘pengiktirafan Palestin sebagai *national home* kepada bangsa Yahudi’ dan isu berkaitan organisasi Zionis. Akhirnya, Lord Rothschild mendapat surat maklum balas daripada pihak British yang mengatakan Perdana Menteri George Lloyd memberi persetujuan dan kabinet meluluskan deklarasi tersebut.

Deklarasi Balfour melibatkan 3 pihak utama yang menjadi asas penting iaitu kerajaan British yang disebut “*His Majesty’s Government*”, pertubuhan Zionis mewakili “*the Jewish people*” dan bangsa Arab Palestin yang merujuk kepada “*the existing non-Jewish communities in Palestine*”. Melalui deklarasi ini jelas menunjukkan pihak British memberi sokongan ke atas

<sup>8</sup> Mohd Roslan Mohd Nor & Nor Dalila Zakaria. “Perancangan Zionis ke Arah Pembentukan Negara Israel,” *Jurnal Usuluddin* 30 (2009), 236-237.

<sup>9</sup> Ermy Azziaty Rozali & Azmul Fahimi Kamaruzaman. “Perang Dunia Pertama, Deklarasi Balfour dan Kesannya Terhadap Palestin,” *International Journal of West Asian Studies* 3, no.2 (2011), 22-23.

<sup>10</sup> Hashim Al-Khred, Zarohan Alattas & Buhari Badron, *Strategi Yahudi-Zionis Menguasai Dunia* (Selangor: Koperasi Penulis dan Pembaca Muar Berhad, 2006), 43.

penubuhan negara Yahudi di Palestin, meskipun pada hakikatnya penduduk tetap Palestin terdiri hampir sepenuhnya daripada bangsa Arab dan majoritinya beragama Islam manakala sebahagian lagi beragama Kristian. Dengan sokongan padu yang diterima oleh pihak Zionis dalam menjayakan agenda utama, iaitu menubuhkan sebuah negara khas untuk bangsa Yahudi, maka mereka mula menawarkan kepada bangsa Yahudi di Eropah untuk berhijrah ke Palestin.<sup>11</sup>

### **Usaha Pemimpin Zionis untuk Mendapatkan Palestin daripada Kerajaan Turki Uthmaniyyah**

Pemimpin Zionis sebelum penubuhannya secara rasmi iaitu pada tahun 1898 telah mewujudkan hubungan baik dengan pemimpin-pemimpin Kristian Protestant di Eropah seperti German dan British. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pengiktirafan dan bantuan dari mereka untuk menduduki Palestin.<sup>12</sup> Selepas British membuka konsulatnya di Jurusalem pada tahun 1838, British dilihat memainkan peranan yang penting dalam usaha melaksanakan program penghijrahan Yahudi ke Palestin. Usaha ini dilakukannya setelah mendapat kebenaran daripada kerajaan Turki Uthmaniyyah di Istanbul melalui saluran-saluran diplomatik supaya diberikan kebenaran untuk menubuhkan penempatan-penempatan bagi pendatang yahudi Eropah di Palestin.

Ketika kerajaan Turki Uthmaniyyah sedang di ambang kejatuhan, wilayah-wilayah Mesir dan rantau-rantau Balkan di Eropah telah membebaskan diri dari Empayar Uthmaniyyah. Selain itu, hutang negara pada waktu tersebut telah mencecah sebanyak 150 juta pound British. Wilayah-wilayah di Afrika pula telah dikuasai oleh kuasa-kuasa penjajah Kristian Eropah.<sup>13</sup> Sultan Abdul Hamid II pada tahun 1881 telah mengeluarkan decree (perintah) mengharamkan Yahudi dari luar Palestin menetap di Palestin. Mereka dibenarkan untuk melawat tanah suci tetapi hanya dibenarkan berada di sana tidak melebihi 30 hari.

Pemimpin Zionis mengambil kesempatan atas kegawatan ekonomi yang dialami kerajaan Uthmaniyyah dengan cuba memujuk Sultan Abdul Hamid II untuk menarik semula decree tersebut. Mereka sanggup membeli dan membayar tanah yang telah menjadi penempatan pendatang yahudi di Palestin. Pemimpin Zionis juga telah dengan menawarkan pinjaman sebanyak 5 juta pound tanpa bunga untuk melunaskan hutang negara dan menyogok Sultan dengan wang peribadi sebanyak 150 juta pound sebagai tukaran melepaskan wilayah Palestin untuk dijadikan negara kebangsaan Yahudi. Selain itu, mereka juga menawarkan untuk mendirikan sebuah kapal induk dengan biaya 120 juta Frank untuk menjaga pemerintah. Tawaran kewangan ini dilakukan bagi menarik perhatian Sultan namun Sultan Abdul Hamid II menolaknya.<sup>14</sup>

Pada tahun sebelum penubuhan Zionisme secara rasmi, pimpinan yahudi telah mengutuskan wakil-wakil mereka menemui Sultan Abdul Hamid II untuk meninjau pandangannya terhadap isu penempatan Yahudi di Palestin. Pada tahun 1892, sekumpulan Yahudi Russia telah mengajukan permohonan kepada Sultan Abdul Hamid II untuk mendapatkan keizinan menetap di

<sup>11</sup> Mohamad Fauzi Zakaria & Mohd Roslan Mohd Nor. *Bumi yang Dijanjikan Konflik Palestin-Israel*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013), 159.

<sup>12</sup> Mohd Roslan Mohd Nor, *Sejarah Kejatuhan Palestin dan kewujudan Israel* (Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2010), 39.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Mohd Roslan & Nor Dalila. "Perancangan Zionis ke Arah Pembentukan Negara Israel, 237-239.

Palestin.<sup>15</sup> Namun, permohonan tersebut ditolak dan ia telah menimbulkan kemarahan pihak Yahudi. Seterusnya pada tahun 1896, Theodor Herzl telah mengutuskan Neolenski, seorang wartawan Eropah yang agak rapat dengan Sultan untuk menemuinya dan menyatakan hasrat Herzl mengenai pelepasan Palestin, namun Sultan juga menolaknya. Selepas kegagalan itu, pergerakan Zionis telah menggunakan khidmat pemerintah German, Kaiser William II yang juga merupakan sahabat baik Sultan bagi menyatakan hasrat yang sama. Namun, ianya turut ditolak Sultan.

Kemudian pada 1901, Theodor Herzl telah mengusahakan satu penemuan rasmi antara Pertubuhan Bangsa Yahudi Sedunia dengan pihak Sultan. Didalam pertemuan tersebut, Theodor Herzl sendiri telah memohon untuk membeli wilayah Palestin dengan berapa harga sekalipun yang ditentukan oleh sultan namun Sultan masih menolaknya dengan mengatakan:

*“Saya tidak akan menjual walau satu inci wilayah ini kerana ia bukanlah milik saya tetapi milik kerajaan Uthmaniyyah. Rakyat saya memenangi tanah ini dengan darah mereka dan dengan darah jugalah kami akan mempertahankannya.”*

Sebagai langkah susulan, Theodor Herzl telah menemui Joseph Chamberlain, iaitu menteri Tanah-Tanah jajahan British untuk mendapatkan bantuan kuasa besar bagi menekan Turki Uthmaniyyah.<sup>16</sup> Setelah beberapa kali gagal dalam perundingan, akhirnya gerakan Zionisme pada tahun 1902 telah menggerakkan 2 daya usaha yang besar untuk menjatuhkan kerajaan Uthmaniyyah:

### i. Mencetuskan kekacauan dalam di wilayah-wilayah kerajaan Uthmaniyyah

Dalam persidangan pertama Perhimpunan Zionis Sedunia pada 1898, Zionis Yahudi telah memutuskan bahawa jika Sultan Abdul Hamid tetap pasif dan berdegil terhadap permohonan Yahudi untuk mendapatkan Palestin, mereka akan berusaha mencari jalan untuk menjatuhkan Kerajaan Turki Uthmaniyyah. Langkah pertama yang diambil mereka adalah dengan mewujudkan penentangan dalam terhadap kerajaan Turki Uthmaniyyah melalui penubuhan Kesatuan Turki Muda. Kesatuan ini dipimpin oleh Mustafa Kamal Ataturk. Dikatakan, kamal Ataturk merupakan seorang yang berketurunan bangsa Yahudi Dunamah.<sup>17</sup> Wujudnya golongan Yahudi Dunamah ini menduduki tanah-tanah penempatan orang Islam bermula sejak zaman pemerintahan Sultan Bayazid II. Mereka dikenali sebagai kaum yahudi yang kononya telah menganut ajaran Islam. Sedangkan, mereka mempunyai cita-cita untuk memiliki tanah Palestin tetapi dihalang oleh Sultan Abdul Hamid. Oleh itu, telah menjadi keutamaan mereka untuk menjatuhkan kerajaan Turki Uthmaniyyah.

Mereka berpura-pura memeluk ajaran Islam dan menunjukkan aspek luaran yang sangat soleh serta mengikuti segala adat dan budaya masyarakat Islam di Turki.<sup>18</sup> Dalam masa yang sama, mereka bekerjasama dengan gerakan Zionis bagi menjatuhkan kerajaan Uthmaniyyah dari dalam. Ada dikalangan mereka yang berjaya memegang jawatan dalam posisi pentadbiran negara dan ada

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Mohamad Fauzi & Mohd Roslan. *Bumi yang Dijanjikan Konflik Palestin-Israel*, 139.

<sup>17</sup> Harakah Daily, “Yahudi Dunamah dan Faktor Kejatuhan Uthmaniyyah,” dicapai 25 Oktober 2017, <https://harakahdaily.net/index.php/2017/10/25/yahudi-dunamah-dan-faktor-kejatuhan-uthmaniyyah>

<sup>18</sup> Nahmar Jamil, *Mengenal Perwatakan Yahudi* (1987) (Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 1987), 43.

juga yang menguasai media dan akhbar pada ketika itu. Antara langkah yang mereka gunakan untuk melemahkan Empayar Uthmaniyyah dari dalam adalah dengan mewujudkan sentimen nasionalisme dalam kalangan umat Islam. Mereka memainkan isu perkauman dan kebangsaan agar rakyat yang dahulunya dibawah satu payung kerajaan Uthmaniyyah berpecah belah dan dibeza-bezakan mengikut bangsa masing-masing. Dengan menggunakan segala propaganda untuk melemahkan kerajaan Uthmaniyyah, akhirnya pada tahun 1909, mereka berjaya menggulingkan Sultan Abdul hamid II yang kemudiannya membenarkan Yahudi menetap di Palestin.

## **ii. Mencetuskan perang besar yang akan menghapuskan kerajaan Uthmaniyyah**

Tercetusnya Perang Dunia 1 pada 1914, pihak Zionis Yahudi telah mengambil kesempatan menyertai Pasukan Bersekutu yang ditunjangi British, Perancis dan Runtuuk memerangi pakatan German-Turki. Setelah tamatnya Perang Dunia I pada 1917, Baitulmaqdis dan Palestin telah jatuh ke tangan British selepas British berjaya menewaskan Empayar Islam Uthmaniyyah. Tentera British telah berjaya menduduki Palestin dan menawan Jurusalem. Sebagai balasan kepada pertolongan Yahudi Zionis, kerajaan British telah mengisyiharkan bahawa Negara Kebangsaan Yahudi akan didirikan di atas bumi Palestin. Dengan itu, bermulalah perpindahan secara besar-besaran bangsa Yahudi ke Palestin di bawah naungan British dari 1918-1947. Disitu jugalah bermula kejatuhan kejatuhan Empayar Turki Uthmaniyyah sedikit demi sedikit.

Seterusnya selepas Perang Dunia ke-II, British telah diperintah oleh kerajaan baru dari Parti Buruh yang lebih liberal. Mereka telah menyerahkan kembali mandatnya ke atas Palestin kepada Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). PBB kemudianya telah mengisyiharkan pembahagian negara Palestin kepada 2 bahagian iaitu palestin Arab dan Israel. Langkah daripada PBB tersebut telah menimbulkan bantahan dan penentangan rakyat Arab-palestin. Dengan itu, pihak Zionis Yahudi telah mengambil kesempatan itu dengan menyediakan pasukan bersenjata bagi melancarkan “perang pembebasan bumi Israel” dan mengisyiharkan penubuhan Negara Kebangsaan Israel pada 14 Mei 1948.

## **Kesimpulan**

Kaum Yahudi di kawasan Barat yang telah ditindas dan menjadi golongan bawahan telah menyebabkan mereka mula bangkit dengan cita-cita untuk menubuhkan negara mereka sendiri. Kemunculan Zionisme yang diasaskan oleh Theodor Herzl juga sangat memainkan peranan untuk membantu Yahudi mendapatkan Palestin sebagai tanah air mereka. Justeru, berbagai taktik kotor dilancarkan Zionisme untuk menjatuhkan Empayar Turki Uthmaniyyah yang menguasai Palestin ketika itu agar mereka dapat menduduki Palestin. Walaupun Empayar Turki Uthmaniyyah sedang berada pada ambang kejatuhan, namun pemimpin Uthmaniyyah tetap teguh mempertahankan Palestin dengan menolak segala pujukan dan rayuan, bahkan usaha ‘merasuh’ pemimpin yang dilakukan oleh pihak Zionis yang bertujuan membeli wilayah tersebut. Palestin kekal tidak digadaikan kepada pihak Zionis meskipun Kerajaan Uthmaniyyah menghadapi tekanan besar.

Namun begitu, kekalahan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama telah mengakibatkan Palestin jatuh ke tangan British. Dengan usaha Zionisme yang giat melobi kuasa

besar seperti British, Perancis, Rusia dan Amerika, mereka berjaya mendapatkan simpati dan sokongan politik. Usaha ini memuncak dengan tercetusnya Deklarasi Balfour 1917. Akhirnya, idea dan falsafah Zionisme untuk menduduki Palestin dan menubuhkan negara Israel yang khusus untuk Yahudi tercapai.

Dengan tertubuhnya negara Yahudi, iaitu Israel yang terletak di atas tanah Palestin pada 15 Mei 1948 telah menandakan permulaan satu tragedi besar bagi rakyat Palestin, yang digelar sebagai Hari Nakbah iaitu hari kecelakaan (*The Catastrophe*). Tarikh ini melambangkan kehilangan tanah air bagi rakyat Palestin yang dirampas oleh pihak luar. Sejak tertubuhnya Israel di tanah Palestin, penduduk Palestin semakin hari semakin kehilangan kuasa dan hampir keseluruhan wilayah mereka tergadai di tangan Israel. Kesan daripada peristiwa tersebut berlanjutan sehingga ke hari ini, di mana umat Islam di Palestin terus hidup dalam keadaan tertekan dan sentiasa berada dalam ketakutan meskipun mereka berada di tanah mereka sendiri. Situasi ini mencerminkan ketidakadilan yang berpanjangan terhadap rakyat Palestin.

## BIBLIOGRAFI

- Andi Satrianingsih & Zaenal Abidin, "Sejarah Zionisme dan Berdirinya Negara Israel." *Jurnal Adabiyah* 16, no. 2 (2016): 172-184.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman & Nabeela Akrasha Surtahman. "Ibn Khaldun dan Falsafah Sejarah Islam," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 3 (2023): 274-286.
- Ermy Azziaty Rozali & Azmul Fahimi Kamaruzaman, "Perang Dunia Pertama, Deklarasi Balfour dan Kesannya Terhadap Palestin," *International Journal of West Asian Studies* 3, no.2 (2011): 19-39.
- Mohamad Fauzi Zakaria, "Zionisme dan Peranannya di dalam Menjatuhkan Kerajaan Turki Uthmaniyyah di Awal Abad ke 20." Dalam *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor & Mohamad Zamri Mohamed Shapik, 71-86. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2011.
- Mohamad Fauzi Zakaria & Mohd Roslan Mohd Nor. *Bumi yang Dijanjikan Konflik Palestin-Israel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- Mohd Roslan Mohd Nor, *Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2010.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Nor Dalila Zakaria, "Perancangan Zionis ke Arah Pembentukan Negara Israel. *Jurnal Usuluddin* 30 (2009): 227-250.
- Nur Fadilah Yusuf, "Strategi Zionis Politik dalam Merebut Palestina dari Kerajaan Utsmani Tahun 1896-1948," *Historia* 3, no.2 (2020): 303-324.

Nahmar Jamil, *Mengenal Perwatakan Yahudi* (1987). Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 1987.

Saudé, "Zionisme dan Berdirinya Negara Israel," *Jurnal Hunafa* 3, no. 2 (2006): 169-180.

Abdul Hadi Awang, "Mengenali Zionisme, Fahaman Paling Melampau," laman sesawang *Harakah Daily*, dicapai 19 Ogos 2020, <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/19/mengenali-zionisme-fahaman-paling-melampau/>

*Harakah Daily*, "Yahudi Dunamah dan Faktor Kejatuhan Uthmaniyyah," dicapai 25 Oktober 2017, <https://harakahdaily.net/index.php/2017/10/25/yahudi-dunamah-dan-faktor-kejatuhan-uthmaniyyah/>

Mohd Hasrul Shuhari, "Detik Kejatuhan Kerajaan Bani Israel di Palestin", lama sesawang *Harian Metro*, dicapai 28 Mac 2024, <https://www.hmetro.com.my/addin/2024/03/1074674/detik-kejatuhan-kerajaan-bani-israel-di-palestin>